A

Siti Shahidah bte Shahril lwn Pengerusi Lembaga Tatatertib Kontinjen Malaysia dan satu lagi

B

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — SEMAKAN KEHAKIMAN NO 13–1 TAHUN 2006
MOHTARUDIN BAKI H
28 JUNE 2007

C

Acara Sivil — Masa — Certiorari — Permohonan di luar masa — Sama ada alasan tidak mempunyai dana kewangan untuk melantik peguam dan tidak tahu undang-undang boleh diterima — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 k 3(6)

D

Pemohon ('perayu') telah memohon untuk: (1) perintah deklarasi/certiorari membetulkan keputusan Lembaga Tatatertib pihak responden; (2) perlanjutan masa; dan (3) penggantungan prosiding. Bantahan awal dikemukakan oleh peguam kanan pesekutuan bahawa permohonan ini di luar masa yang ditetapkan iaitu 40 hari (A 53 k 3(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980). Dalam kes ini perayu telah mengambil masa dua tahun lebih iaitu lebih kurang 27 bulan. Di dalam afidavit menyokong permohonan perayu beliau memberi dua alasan kenapa kelewatan tersebut berlaku iaitu beliau tidak mempunyai dana kewangan untuk melantik peguam dan beliau tidak tahu undang-undang.

E

F

Diputuskan, menolak permohonan tersebut:

(1) Alasan pertama bahawa perayu tidak tahu kedudukan undang-undang tempoh 40 hari tersebut adalah jelas tidak dapat diterima. Adalah menjadi undang-undang matan 'ignorance is not an excuse in law' (lihat perenggan 15).

G

(2) Alasan kedua bahawa pemohon/perayu tidak mempunyai dana kewangan untuk melantik peguam juga tidak dapat diterima sebagai alasan yang baik. Kelewatan berlaku melebihi dua tahun (lebih kurang 27 bulan) (lihat perenggan 16).

H

(3) Bantahan awal yang dibangkitkan bukanlah 'an abuse of process'. Responden hanya menuntut hak mereka seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang (lihat perenggan 24).

[English summary

I

The applicant ('appellant') had applied for: (1) a declaration/certiorari order to rectify the decision of the respondent's Disciplinary Board; (2) an extension of time; and (3) a suspension for proceeding. A preliminary objection was made by the senior federal counsel that this application was outside the time period stipulated ie 40 days (O 53

r 3(6) of the Rules of the High Court 1980). In this case the appellant had taken more than two years ie about 27 months. In the affidavit in support of the appellant's application she had provided two reasons for the delay ie that she did not have any fund to appoint a counsel and that she had no legal knowledge.

Held, dismissing the application:

(1) The first reason that the appellant had no legal knowledge of the 40 days was clearly unacceptable. It was trite law that 'ignorance is not an excuse in law' (see para 15).

(2) The second reason that the applicant/appellant did not have the fund to appoint a counsel was also unacceptable as a good reason. The delay was more than two years (about 27 months) (see para 16).

(3) The preliminary objection raised was not 'an abuse of process'. The respondent only claimed their rights as provided by law (see para 24).]

Nota-nota

For cases on certiorari, see 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) paras 7724–7726.

Kes-kes yang dirujuk

Chuah Say Phang lwn Tuan Majistret Mahkamah Majistret Gerik, Perak Darul Ridzuan dan satu lagi [2000] 5 MLJ 678. (dirujuk)

Md Aris Zainal Abidin v Suruhanjaya Pasukan Polis & Anor [2002] 4 MLJ 105 (dirujuk)

Megat Najmuddin bin Dato Seri (Dr) Megat Khas v Bank Bumiputra (M) Bhd [2002] 1 MLJ 385. (dirujuk)

Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v Minister of Labour And Manpower & Anor. [1983] 2 MLJ 54 (dirujuk)

Ravindran v Malaysian Examinations Council [1984] 1 MLJ 168 (dirujuk)

Reddy v Employees Provident Fund Board [1968] 2 MLJ 77 (dirujuk)

Undang-Undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 2 k1(1), A 53 kk 1(1), 3(6), A 92 k 4

Ebrina (Maniam Nair & Co) bagi pihak pemohon.

Effandi Nazila bin Abdullah (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Mohtarudin Baki H:

[1] Permohonan pemohon/perayu adalah untuk:

(a) perintah deklarasi/certiorari membetulkan keputusan lembaga tatatertib pihak responden;

(b) perlanjutan masa;

(c) pergantungan prosiding.

[2] Bantahan awal dikemukakan oleh peguam kanan pesekutuan bahawa permohonan ini di luar masa yang ditetapkan iaitu 40 hari (A 53 k 3(6)) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980).

[3] Dalam kes di hadapan saya pemohon/perayu mengambil masa dua tahun lebih iaitu lebih kurang 27 bulan.

[4] Di dalam affidavit menyokong permohonan pemohon/perayu beliau memberi dua alasan kenapa kelewatan tersebut berlaku iaitu beliau tidak mempunyai dana kewangan untuk melantik peguam dan beliau tidak tahu undang-undang.

[5] Peguam pemohon/perayu telah berhujah secara panjang lebar mengenai merits permohonan dengan memetik kes-kes menyokong apakah prosidur yang betul iaitu permohonan untuk perintah deklarasi dan certiorari.

[6] Saya menolak hujah ini pada peringkat bantahan awal. Saya merujuk kepada kes *Ravindran v Malaysian Examinations Council* [1984] 1 MLJ 168 (Mahkamah Persekutuan), memutuskan:

> Since the judge rejected the explanation for the delay it follows the court had no jurisdiction to hear the application for leave for an order of certiorari. Whether the application for an order of certiorari had merits or not was irrelevant. ….

[7] Seterusnya peguam pemohon/perayu juga menyentuh bahawa peruntukan A 53 k 1(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 adalah peruntukan untuk 'mentadbir' sahaja dan bukan mandatori. Beliau bersandar kepada A 2 k 1(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 iaitu kesan ketidakpatuhan tidaklah membetulkan prosiding. Beliau merujuk kes *Megat Najmuddin bin Dato Seri (Dr) Megat Khas v Bank Bumiputra (M) Bhd* [2002] 1 MLJ 385.

[8] Seterusnya peguam pemohon/perayu memetik kes *Md Aris Zainal Abidin v Suruhanjaya Pasukan Polis & Anor* [2002] 4 MLJ 108 (Mahkamah Rayuan).

[9] YA Gopal Sri Ram HMR memutuskan:

> Following the actual wording of r 1A would mean that the litigant ie, private citizen, would be out of court even before he arrived there. Accordingly, it would be contrary to the rules of natural justice to require an applicant to make his application for leave for certiorari within six weeks from the date of a decision
>
> Procedural sections are no longer to be regarded as mandatory. Rather, the true question that arises for consideration is whether on the facts of a given case the particular non-observance has occasioned injustice or prejudice.
>
> Applying the rule of harmonious construction, r 1A should be read harmoniously with art 5(1) of the Federal Constitution. …….

[10] Di bawah A 53 k 3(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 jelas menetapkan tempoh 40 hari dan memberi 'proviso':

> provided that the court may, upon application, and if it considers that there is a good reason for doing so, extend the period of 40 days

[11] Persoalan di hadapan saya samada dua alasan yang diberikan adalah 'good reasons' untuk perlanjutan masa tersebut.

[12] Alasan pertama bahawa pemohon/perayu tidak tahu kedudukan undang-undang tempoh 40 hari tersebut adalah jelas tidak dapat diterima. Adalah menjadi undang-undang matan 'ignorance is not an excuse in law'. Kes-kes yang memperkukuhkan undang-undang ini:

(1) *Reddy v Employees Provident Fund Board* [1968] 2 MLJ 77;

(2) *Chuah Say Phang lwn Tuan Majistret Mahkamah Majistret Gerik, Perak Darul Ridzuan dan satu lagi* [2000] 5 MLJ 678.

[13] Alasan kedua bahawa pemohon/perayu tidak mempunyai dana kewangan untuk melantik peguam juga tidak dapat diterima sebagai alasan yang baik. Kelewatan berlaku melebihi dua tahun (lebih kurang 27 bulan).

[14] Jika dilihat dari hujah-hujah bertulis peguam pemohon/perayu, seolah-olah beliau telah 'abandoned' dua alasan ini.

[15] Hujah peguam yang bijaksana hanya berkisar mengenai merits kes dan 'technicalities' A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Tidak ada satu 'explanation' pun mengenai dana kewangan pemohon/perayu.

[16] Dengan kedudukan sedemikian sukar bagi saya menentukan sama ada alasan yang diberi adalah alasan yang baik seperti yang dikehendaki oleh proviso A 53 k 3(6) Kedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[17] Sebaliknya peguam kanan persekutuan memetik kes *Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v Minister of Labour znd Manpower & Anor.* [1983] 2 MLJ 54 (Mahkamah Persekutuan); di mana YA Abdoolcader FJ menyatakan di ms 55:

> Held: The appellant was out of time and neither sought an extension of time *nor accounted for the delay to the satisfaction of the learned judge* and therefore leave should not have been granted to the appellant to apply for certiorari and the learned judge had no jurisdiction to do so.
>
> (Penekanan ditambah.)

[18] Walaupun kes ini dirujuk oleh peguam pemohon/perayu di dalam kes *Md Aris Zainal Abidin* iaitu keputusan Mahkamah Rayuan saya masih berpegang kepada prinsip 'stare decisis'.

[19] Satu lagi kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Ravindran v Malaysian Examinations Council* telah menyentuh secara spesifik A 53 k 1A (ketika itu):

(a) O.53 r 1A provides that leave to apply for an order of certiorari shall not be granted unless made within six weeks after the date of the proceeding objected to unless the delay is accounted for to the satisfaction of the court or judge to whom the application is made.

(b) The explanation for the delay was not accepted by the trial judge and he ruled that the delay had not been satisfactorily explained. Looking at the explanation we cannot honestly say that the judge was wrong in rejecting the explanation as being unsatisfactorily.

(c) Since the judge rejected the explanation for the delay it follows that the court had no jurisdiction to hear the application for leave for an order of certiorari. Whether the application for an order of certiorari had merits or not was irrelevant.

[20] Seterusnya peguam pemohon/perayu merujuk kepada A 92 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 iaitu kuasa 'inherent' mahkamah untuk membuat apa-apa perintah yang sesuai untuk menyekat 'an abuse of the process of law'.

[21] Saya menolak hujah ini. Bantahan awal yang dibangkitkan bukanlah 'an abuse of process'. Responden hanya menuntut hak mereka seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang.

[22] Di atas alasan-alasan di atas saya memutuskan tiada alasan yang baik diberikan untuk perlanjutan masa. Lantaran itu saya menolak permohonan.

Permohonan ditolak.

Reported by Loo Lai Mee